



## **TEKS UCAPAN**

**DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN**

**MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT  
AGUNG PUSPANITA CAWANGAN  
KECIL MAMPU TAHUN 2015**

**23 JANUARI 2015 (JUMAAT),  
9.30 PAGI – 10.30 PAGI  
DEWAN SERBAGUNA, ARAS 3, BLOK  
B1, JPM**

**Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera dan Salam  
1Malaysia**

Yang Dihormati Saudari Pengacara  
Majlis,

Yang Berbahagia Datin Seri Nik  
Hasmah binti Nik Kadir  
Pengerusi PUSPANITA Cawangan  
Kecil MAMPU

Yang Berbahagia Dr. Aizi Razman bin  
Ismail

Timbalan Ketua Pengarah (PT)

Yang Berbahagia Dr. Suhazimah binti  
Dzazali

Timbalan Ketua Pengarah (ICT)

Ketua-Ketua Perunding

Pengarah-Pengarah Bahagian dan  
Cawangan dan

Ahli PUSPANITA Cawangan Kecil  
MAMPU yang saya kasihi.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izin dan kurnia Yang Maha Esa, kita dapat berjumpa pada hari ini di Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU pada tahun 2015 dalam keadaan yang sihat, sejahtera dan ceria.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datin Seri Pengerusi, ahli-ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU kerana sudi menjemput saya

untuk merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU Tahun 2015.

Warga MAMPU dan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian,

3. Penubuhan PUSPANITA merupakan salah satu detik sejarah dalam pembangunan wanita di negara kita. PUSPANITA memberi sokongan dan sumbangan positif terhadap usaha-usaha Kerajaan membangunkan Negara, melalui kerja-kerja amal bakti. Kukuhnya sesuatu persatuan itu bergantung

kepada komitmen kepada setiap ahli-ahlinya. Saya yakin melalui PUSPANITA dapatlah para isteri memahami dengan lebih mendalam lagi tugas dan tanggungjawab suami masing-masing.

4. Bagi warga wanita MAMPU pula, saya percaya dalam urusan kerja seharian, puan-puan mempunyai banyak tugas yang hendak dilakukan. Namun, pekerja wanita perlulah menghadapi cabaran-cabaran dalam kerja dengan azam untuk memperbaiki lagi diri dan kerjaya dengan menjadi ahli pasukan

PUSPANITA yang mampu menggerakkan perubahan serta melibatkan diri secara aktif dalam program dan aktiviti PUSPANITA.

Warga MAMPU dan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian,

5. Bukanlah mudah untuk seseorang melaksanakan tanggungjawab sebagai ahli yang aktif di samping melaksanakan tanggungjawab rasmi di pejabat mahupun sebagai suri rumah. Walaupun begitu, tidak kira wanita mahupun lelaki, sebagai manusia kita mempunyai keperluan untuk menjalin

hubungan sosial dengan orang lain. Dengan persatuan seperti PUSPANITA, ia boleh dijadikan sebagai platform untuk kaum wanita bagi memenuhi keperluan dalam suasana “kebersamaan” dan untuk menjadi sebahagian daripada suatu kelompok atau komuniti.

6. Secara tidak langsung, aktiviti berpersatuan seperti ini dapat membantu seseorang untuk berfikir dengan lebih meluas dan berwawasan dan juga pada masa yang sama untuk meningkatkan ‘kepekaan sosial’. Ia juga boleh menjadi tempat



'pembuangan' tenaga secara positif daripada berbagai-bagai masalah yang menimbulkan tekanan. Dengan sejenak bertemu rakan-rakan, ini memberi peluang untuk saling berkongsi cerita dan masalah, juga bertukar-tukar fikiran.

7. Justeru itu, saya ingin menyarankan supaya penglibatan aktif dalam aktiviti selain tugas rasmi diambil kira sebagai sumbangan kepada prestasi kerja pegawai. Manakala bagi anggota lelaki, penglibatan aktif isteri akan diambil kira sebagai sumbangan kepada

prestasi kerja suami di pejabat. Pada masa yang sama, saya berharap agar barisan pengurusan MAMPU terutamanya Pengarah-Pengarah dan Timbalan-Timbalan Pengarah memberikan kebenaran kepada warga Bahagian untuk terlibat dalam aktiviti dan program PUSPANITA. Saya menyeru agar setiap warga wanita serta isteri warga lelaki bahagian memberi sumbangan atau mengambil bahagian sekurang-kurangnya sekali dalam aktiviti yang dianjurkan oleh PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU sama ada dari segi aktiviti seperti sosial, kebajikan, kemasyarakatan,

pendidikan, kesihatan dan sukan.

Warga MAMPU dan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian,

8. Sebenarnya banyak yang boleh dilakukan oleh PUSPANITA untuk berkhidmat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. PUSPANITA boleh memainkan peranan dengan mengatur program-program yang sesuai ke arah meningkatkan kesedaran ahli-ahli agar sama-sama berusaha ke arah menjayakan wawasan negara. Aktiviti-aktiviti seperti pengurusan masa dan perhubungan awam dapat membantu

ahli-ahli yang terdiri daripada anggota-anggota Perkhidmatan Awam meningkatkan kecekapan dan produktiviti kerja mereka di samping meninggikan lagi tahap profesionalisma dalam pentadbiran awam.

9. Manakala, program untuk isteri-isteri seperti jamuan, ceramah, seminar dan lawatan sambil belajar boleh dijalankan dari semasa ke semasa untuk memberi kefahaman kepada golongan isteri tentang peranan dan fungsi jentera Kerajaan daripada segi pentadbiran awam. Ini

akan memberi kesedaran serta kefahaman kepada para isteri mengenai tugas suami masing-masing. Saya ingin menyeru kepada ahli-ahli PUSPANITA supaya mengambil bahagian dalam kegiatan-kegiatan yang telah dirancang. Penyertaan dan penglibatan puan-puan sekalian akan menjamin kejayaan dan masa depan PUSPANITA

Warga MAMPU dan ahli PUSPANITA yang dikasihi sekalian,

10. Mesyuarat Agung PUSPANITA  
Cawangan Kecil MAMPU Tahun 2015

ini diadakan bagi melantik ahli jawatankuasa yang baru. Saya berharap agar proses lantikan akan berjalan dengan lancar dan pemilihan dibuat dengan berhemah. Saya berharap agar ahli jawatankuasa yang dilantik akan menerima pelantikan ini dengan fikiran yang terbuka dan positif kerana sebenarnya ahli jawatankuasa diberi kepercayaan untuk menggalas tugas yang penting iaitu untuk merancang dan menyelaras aktiviti PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU supaya dapat dimanfaatkan oleh ahli-ahli.

11. Puan-Puan perlu sedar, menjadi seorang ahli jawatankuasa yang berwibawa akan dapat menaikkan imej puan-puan dan pada masa yang sama menaikkan nama MAMPU dalam kalangan agensi-agensi lain di dalam Perkhidmatan Awam. Sesungguhnya, ahli jawatankuasa perlu melaksanakan tugas, amanah dan tanggungjawab untuk memartabatkan peranan wanita di dalam Negara.

12. Namun, kejayaan sesebuah organisasi atau pertubuhan, tidak terletak hanya kepada kepimpinan sahaja. Setiap anggota memainkan peranan di dalam kejayaan sesebuah

organisasi. Saya berharap agar ahli-ahli memberikan sokongan dan kerjasama kepada ahli jawatankuasa yang baru dilantik. Setiap ahli juga perlu memainkan peranan dengan memberikan cadangan yang positif kepada ahli jawatankuasa mengenai program atau aktiviti yang boleh mereka laksanakan. Semoga semangat kerja berpasukan akan dipupuk di kalangan ahli PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU agar kita disegani. Saya berdoa semoga semua usaha puan-puan di masa akan datang mendapat kejayaan dan diberkati oleh Allah S.W.T..



13. Akhir kata, saya dengan lafaz kalimah suci "Bismillahirrahmannirrahim", saya dengan penuh sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan Kecil MAMPU bagi tahun 2015.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.